# PEMBENTUKAN MALAYSIA

## 5.1 Konsep Gagasan Malaysia

Idea Gagasan Malaysia

- Dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj..
- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

Diimbas dengan CamScanner

# 5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

Diimbas dengan CamScanner

# IDEA PEGAWAI BRITISH

## 1887

- Cadangan terawal dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Dewan Parlimen Britain pada tahun 1887
- Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar.
- Cadangan ini dikemukakan kerana pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.

## 1951

- Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.
- Langkah ini bertujuan menyesuaikannya dengan rancangan dekolonisasi.
- Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan berkaitan dengan usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.



Sir Malcolm MacDonald

Diimbas dengan CamScanner

# IDEA PEGAWAI BRITISH

## 1952

- Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan.
- Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.



Sir Gerald Templer

## 1960

- Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.
- Cadangan ini mendapat sokongan Pejabat Kolonial.





Sir Geofroy Tory

Diimbas dengan CamScanner

# ⭐ Idea Penduduk Tempatan

| | |
|---|---|
| 1906 | Majalah *Al-Imam*<br>• Menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu. |
| 1938 | Konsep Melayu Raya<br>• Nasional Tanah Melayu<br>    ○ Ibrahim Haji Taakob<br>    ○ Harun Aminurrashid<br>    ○ Ahmad Boestamam<br>    ○ Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)<br>    ○ Dr. Burhanuddin al-Helmi<br>• Idea mereka untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.<br>• Tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu. |
| 1955 | Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj<br>• Ucapan di Persidangan Agung UMNO (Okt 1955)<br>    ○ Mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu. |
| 1958 | Datu Mustapha Datu Harun (Pemimpin Sabah)<br>• Bertemu dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di KL pada tahun 1958/<br>• Menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu. |
| 1960 | [10 Jun 1960] Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumi Lord Perth bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura. |

Diimbas dengan CamScanner

# ⭐ Rasional Idea Pembentukan Malaysia

<table>
<tr>
<td>

**Keselamatan**

- Ancaman Komunis di Singapura
  - Menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.
  - Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis.
  - Langkah penyatuan dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan dan pertahanan.
- Perkembangan di Sarawak
  - Sarawak berhadapan dengan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO).
  - Penyertaan Sarawak dapat membendung ancaman komunis.

</td>
<td>

**Keseimbangan Komposisi Penduduk**

- Keputusan untuk menerima Singapura dalam Persekutuan akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dengan orang Cina.
- Dibimbangi oeh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj den pemimpin UMNO.
- Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbankan komposisi antara kaum.

</td>
</tr>
<tr>
<td>

**Mempercepat Kemerdekaan**

- Bagi pihak British, pembentukan Malaysia boleh merealisasikan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo (Sabah & Sarawak).

</td>
<td>

**Pembangunan Wilayah**

- Penyertaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei bertujuan agar wilayah ini dapat bersatu dalam usaha mempercepat pelbagai bidang pembangunan.
- Pembentukan Malaysia boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek.

</td>
</tr>
</table>

Diimbas dengan CamScanner

💡 **Informasi**

| | |
|---|---|
| **Dekolonisasi:** Proses ke arah berkerajaan sendiri | **Pesuruhjaya Tinggi** ialah nama gelar jawatan yang disandang oleh ketua perwakilan negara dalam kalangan negara Komanwel. Jawatan ini setara dengan duta. |

Diimbas dengan CamScanner

## 5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

### ⭐ Reaksi Awal terhadap Gagasan Malaysia

| TEMPATAN | NEGARA JIRAN |
|---|---|
| Persekutuan Tanah Melayu | Indonesia |
| Sarawak | Filipina |
| Sabah | Thailand |
| Singapura | |
| Brunei | |

Diimbas dengan CamScanner

# Reaksi Tempatan

<table>
<tr><td>Persekutuan Tanah Melayu</td><td>
<ul>
<li>Rancangan pembentukan Malaysia mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik di Persekutuan Tanah Melayu.</li>
<li>Parti politik bersetuju dan menerima cadangan tetapi wujudnya perbezaan pendapat.</li>
<li>Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mendapat sokongan UMNO.</li>
</ul>
</td></tr>
<tr><td>Sarawak</td><td>
<table>
<tr><th>Menyokong</th><th>Menentang</th></tr>
<tr><td>
<ul>
<li>BERJASA (Dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya' kub dan Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman)</li>
<li>PANAS (Dipimpin oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha)</li>
<li>PESAKA (Dipimpin oleh Temenggung Jugah anak Barieng)</li>
<li>SCA</li>
</ul>
</td><td>
<ul>
<li>SUPP (Dipimpin oleh Ong Kee Hui)
<ul><li>Kemudian menyokong berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).</li></ul></li>
<li>SNAP (Diketuai oleh Stephen Kalong Ningkan)</li>
</ul>
</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Sabah</td><td>
<table>
<tr><th>Menyokong</th><th>Menentang</th></tr>
<tr><td>
<ul>
<li>UNKO</li>
<li>USNO (Dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun)</li>
<li>Pasok Momogun</li>
<li>Sabah Chinese Association (SCA)</li>
<li>Sabah Alliance (1962)
<ul><li>Gabungan parti yang menyokong Malaysia.</li>
<li>Terdiri daripada UNKO, USNO, United Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party dan Sabah Indian Congress.</li></ul></li>
</ul>
</td><td>
<ul>
<li>Cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Sabah. Mereka melahirkan keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan atau membentuk sebuah Kesatuan Negei-negeri Borneo yang merdeka.</li>
<li>Kebanyakan penduduk Sabah menganggap Tanah Melayu terasing seperti Indonesia dan Filipina.</li>
<li>Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri yang sudah diamalkan.</li>
<li>Jarak antara Sarawak dan Sbaha dengan KL juga jauh.</li>
<li>Barisan Bersatu (united Front) pada 1961
<ul><li>Mencabar rancangan pembentukan Malaysia.</li>
<li>Dianggotai oleh Ong Kee Hui (SUPP), A.M. Azahari (Parti Rakyat Brunei) dan Donald Stephens (Fuad Stephens, UNKO).</li></ul></li>
</ul>
</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

Diimbas dengan CamScanner

| | Menyokong | Menentang |
|---|---|---|
| Singapura | • People's Action Party (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew.<br>• Golongan pedagang dan pengusaha industri.<br>• Parti Buruh Singapura | • Parti Rakyat Singapura<br>• Barisan Sosialis<br>  ▪ Penjajahan baharu<br>  ▪ Cadang agar mendapat pandangan rakyat. |
| Brunei | • Sultan Brunei (Sultan Omar Ali Saifuddin)<br>• Rakyat Brunei | • Parti Rakyat Brunei (dipimpin oleh A.M. Azahari)<br>  ▪ Lebih berminat untuk menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara.<br>  ▪ Pembentukan Malaysia merupakan satu cara kerajaan British untuk mengekalkan pengaruh agar dapat menguasai ekonomi dan menjamin keselamatan. |

Diimbas dengan CamScanner

# ⭐ Reaksi Negara Jiran

| Indonesia | Filipina | Thailand |
|---|---|---|
| • Kerajaan Indonesia tidak menentang.<br>• Dr. Mohammad Hatta (Naib Presiden) dan Dr. Subandrio (Menteri Luar) mengalu-alukan idea ini. | • Presiden Diosdado Pangan Macapagal menentang pembentukan Malaysia kerana menuntut wilayah Sabah. | • Memberikan reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia.<br>• Dapat memperkuat usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara. |

💡 **Informasi**

Brunei dan Singapura dikategorikan dalam reaksi tempatan kerana membincangkan konsep Malaysia yang sama.

Parti politik yang ditubuhkan di Sarawak:

| Parti Politik | Tahun |
|---|---|
| Sarawak United People's Party (SUPP) | 1959 |
| Parti Negara Sarawak (PANAS) | 1960 |
| Sarawak National Party (SNAP) | 1961 |
| Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA) | 1961 |
| Sarawak Chinese Association (SCA) | 1962 |
| Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) | 1962 |

Parti politk di Sabah menjelang pembentukan Malaysia:

| Parti Politik | Tahun |
|---|---|
| The United National Kadazan Organization (UNKO) | 1961 |
| Democratic Party | 1961 |
| United Sabah National Organization (USNO) | 1961 |
| United National Pasok Momogun | 1962 |
| United Party | 1962 |
| Borneo Utara National Party (BUNAP). Gabungan Democratic Party dan United Party. | 1962 |

Diimbas dengan CamScanner

# 5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

## ⭐ Siri Lawatan

[Julai 1961]

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei.
- Tujuan: Untuk meninjau dan bertemu dengan pemimpin tempatan bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.

⬇

- Lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke Persekutuan Tanah Melayu.
- [Ogos 1962] Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temengging Jugah anak Barieng, Donald Stephens dan Datu Mustapha Datu Harun mengadakan lawatan untuk meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu.

⬇

[November 1962]

- Lawatan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ke Sarawak dan Sabah.

⬇

- Lawatan rombongan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba ke Sarawak dan Sabah.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC)

- Dikenali sebagai Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).
- Ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961.
- Diadakan 4 kali - Jesselton, Kuching, KL dan SIngapura.
- Terdiri daripada wakil pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.
- Pengerusi: Donald Stephens.

Diimbas dengan CamScanner

- Tujuan Penubuhan
    - Menyakinkan penduduk Sarawak dan Sbah tentang pembentukan Malaysia.
    - Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.
    - Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.
    - Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
    - Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
    - Memupuk aktiviti penghebatan dan mempercepat pembentukan Malaysia.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Referendum Singapura

- [Ogos 1962 - September 1962] Rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia.
    - [September 1962] Satu referendum diadakan di SIngapura menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia.
    - Keputusan referendum mendapati rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia seperti syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan persekutuan Tanah Melayu.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Rundingan London

- [November 1961] Rundingan berhubung dengan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British.
- Bersetuju untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Suruhanjaya Cobbold

- Dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962.
- Mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.
- Pengerusi: Lord Cobbold
- Ahli-ahli: Sir Anthony Abeli, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.



(Dari kiri) Muhammad Ghazali Shafie, Wong Pow Nee, Lord Cobbold, Sir David Watherston dan Sir Anthony Abell

- [Jun 1962] Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

Diimbas dengan CamScanner

- Laporan:
    - ⅔ penduduk menyokong pembentukan Malaysia
    - Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
    - Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan dairipada Kerajaan Negeri berkenaan.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

- Inter-Governmental Committee/ Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
- Diwakili oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
- Bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.

| | |
|---|---|
| - Pengerusi: Lord Lansdowne (Menteri Tanah Jajahan)<br>- Timbalan pengerusi: Tun Abdul Razak Hussein<br>- Wakil Sarawak: Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah anak Barieng, Pengarah Montegrai, Lin Beng Siew dan Chia Chin Sin<br>- Wakil Sabah: Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Mustapha Datu Harun, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew | 5 Jawatankuasa kecil:<br><br>1. Perlembagaan<br>2. Kewangan<br>3. Perkhidmatan Awam<br>4. Perundangan dan Kehakiman<br>5. Organisasi Jabatan<br><br>Jawatan ini telah mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton (Kota Kinabalu), Sabah pada 30 Ogos 1962. Mesyuarat terakhir diadakan id KL pada 18-20 September 1962. |

Diimbas dengan CamScanner

- Jawatankuasa ini mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Antaranya termasuk:
    - Islam ialah agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah.
    - BM ialah bahasa rasmi Persekutuan Malaysia tetapi BI juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah.
    - Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah. Sistem pendidikan di Sarawak dan Sbah kekal di bawah kawalan Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.
    - Dalam Parlimen Malaysia, 24 kerusi hendaklah diperuntukkan kepada Sarawak, 16 kerusi kepada Sabah dan 15 kerusi kepada Singapura.

Diimbas dengan CamScanner

- Kuasa imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen.

💡 **Informasi**

| | |
|---|---|
| **JSKM** dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) | **Referendum**<br>Pungutan suara rakyat berhubung dengan sesuatu dasar politik dan sebagainya. |

Diimbas dengan CamScanner

## 5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

Perjanjian Malaysia/ Malaysia Agreement (MA63)

- Ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
- 9 Julai 1963 di London

Inti Pati Perjanjian Malaysia

Tarikh pembentukan Malaysia adalah 31 Ogos 1963.

1. Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.
2. Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan SIngapura dalam Malaysia.
3. Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.

Diimbas dengan CamScanner

4. Memperuntukkan tempoh ,asa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.
5. Kerusi Parlimen: Singapura: 15, Sarawak: 24 & Sabah: 16
6. Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Indonesia membantah pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- U Thant (Setiausaha Agung PBB) mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa - United Nations Malaysia Mission (UNMM) untuk menilai dan membuat laporan.

Diimbas dengan CamScanner

- Laurence Michelmore (Duta Amerika Syarikat di PBB) mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah.
- Pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan PBB hanya disiapkan pada 14 September 1963.

Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963.
- Istiadat diadakan serentak KL, Sarawak dan Sabah (Untuk huraian yang lebih lanjut, sila merujuk kepada Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, KSSM).

**Informasi**

| | |
|---|---|
| Sabah bersetuju mengiktiraf BM sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai balasan dibenarkan menggunakan BI dalam tempoh 10 tahun selepas tahun 1963.<br>Pada tahun 1970, Datu Mustapha Datu Harun menjadikan BM sebagai bahasa pengantar pendidikan sebagaimana mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br>Dewan Undangan Sabah meluluskan untuk menjadikan BM sebagai bahasa dalam urusan rasmi negeri Sabah. | **Stephen Kalong Ningkan** dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak pada 22 Julai 1963. Tarikh 22 Julai diisytiharkan sebagai Hari Sarawak dan cuti umum negeri ini. |

Diimbas dengan CamScanner

## 5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

### Konfrontasi

- [20 Januari 1963] Dr. Subandrio (Menteri Luar Indonesia) mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.



DUTA2 MALAYA DI-PANGGIL PULANG

PUTUS HUBONGAN

*Peristiwa tahun 1957 di-ulangi lagi di-Stadium*

Kedutaan Indonesia di-K.L. di-gempur

Keratan akhbar berkaitan dengan konfrontasi

Diimbas dengan CamScanner

# ⭐ Peristiwa Penentangan

**20/1/1963**

Melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu "Ganyang Malaysia".

→

**16/1/1963-27/3/1963**

Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak.

→

**Ogos-Disember 1963**

Pendaratan gerila di Johor.

[12/4/1963] Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak.

↓

[29/12/1963] Berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.

↓

[2/9/1964] Berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor. Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.

↓

Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan ini ke dalam Majlis Keselamatan PBB. Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomatik.

Diimbas dengan CamScanner

## ⭐ Langkah Menamatkan Konfrontasi

- Tanggungjawab menyusun strategi diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie.
- Tugas utama: Untuk memataham kempen propaganda dan mendapatkan sokongan negara luar.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1963 | 1. Usaha awal menamatkan konfrontasi dilakukan oleh U Thant. Beliau mengutus wakilnya, C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.<br>2. Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila Pada 9 April 1963. Negara kita diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie.<br>3. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo. Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.<br>4. Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7-11 Jun bagi mencari penyelesaian konfrontasi. Dr. Subandrio (Menteri Luar Indonesia) hadir bagi pihak negaranya.<br>5. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai - 5 Ogos. Hasil penting ialah penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.<br><br>Muhammad Ghazali Shafie menyambut kedatangan Jeneral Ali Moertopo (kiri) di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. |

Diimbas dengan CamScanner

| | |
|---|---|
| **1964** | 6. Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina melibatkan 2 persidangan peringkat menteri di Bangkok dan 1 sidang kemuncak di Tokyo. Peranan utama dimainkan oleh Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand) yang menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia. |
| **1965** | 7. Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September menamatkan konfrontasi. Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi. |
| **1966** | 8. Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos.<br>9. Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos.<br><br>Majlis menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia oleh Tun Abdul Razak Hussein (kiri) dan Adam Malik (kanan) disaksikan oleh Jeneral Suharto yang diadakan di Jakarta, Indonesia. |

**Informasi**

**Neokolonialisme**: Perluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar terhadap negara lain.

# TAMAT BAB 5

Diimbas dengan CamScanner